

Saranan PM beri keyakinan kontraktor bida tender

BH - 3/12/2022 M/S: 24

Saranan tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim agar setiap perolehan kerajaan perlu melalui proses dan tatacara lantikan secara tidak langsung memberi keyakinan kepada peserta industri binaan untuk kembali aktif memasuki tawaran tender.

Malah, pada masa sama, persepsi terhadap integriti kakitangan awam yang terbabit tidak lagi dipertikaikan, demikian menurut peserta industri.

Pengerusi Guild of Bumiputera Contractors Bhd (WIBAWA), Datuk Ir Md Nasir Ibrahim, berkata sebagai persatuan kontraktor, amanat yang dizahirkan Perdana Menteri di

perhimpunan bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) baru-baru ini adalah maklum balas tegas dan berintegriti dalam memastikan perolehan kerajaan tidak mengalami ketirisan, salah guna kuasa dan rasuah.

“Persatuan GBC WIBAWA menyambut baik saranan Perdana Menteri agar setiap perolehan kerajaan melalui proses dan tatacara lantikan.

“Ini dapat mengekang amalan kronisme dan kepentingan pihak tertentu dalam menjana pendapatan dengan membelakangi undang-undang negara,” katanya dalam satu kenyataan.

Md Nasir berkata, tatacara perolehan kerajaan jelas mengutamakan kualiti, proses yang cekap, bersistematik dan yang lebih utama mengelakkan ketirisan dan pembaziran peruntukan kerajaan.

Kerjasama hapus rasuah

Beliau berkata, semua pihak perlu bekerjasama membina masyarakat bebas rasuah di pelbagai peringkat dan paling utama negara memiliki badan perundangan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang begitu telus mengekang amalan rasuah dan salah guna kuasa.

Selain itu, beliau berkata,

dalam memperkasakan golongan kontraktor Bumiputera, pihaknya berharap Perdana Menteri memperhalusi semula kaedah program kontraktor dibawa yang dikeluarkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil 11 Tahun 1993, memandangkan beliau adalah Menteri Kewangan pada ketika itu.

“Sebahagian besar kontraktor Bumiputera pelbagai kelas mendapat manfaat dan ruang membina perniagaan yang berdaya saing, berdaya tahan dan berdaya maju di dalam pasaran dan kita yakin tatacara ini dapat diolah dan disesuaikan dengan keadaan masa kini serta pada masa sama dapat

mengelakkan berlakunya ketirisan pembahagian kontrak,” katanya.

Selain itu, Md Nasir berkata, Program Penyiap Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) adalah platform terbaik menangani masalah projek terbengkalai dan projek sakit membatikan kerajaan.

Beliau berkata, kebanyakan projek terbabit berjaya diselesaikan melalui program itu, yang mana tatacara perolehan lantikan berkenaan yang telus dan berintegriti supaya diberikan kepada kontraktor yang benar-benar layak dan berkeupayaan meneruskan baki kerja.